

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH - DAP]**

TARIKH : 8 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN (NO. 41)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh Program NAAM iaitu projek menanam cili untuk meningkatkan ekonomi belia-belia India. Berapakah wang yang telah disalurkan oleh Kementerian dan hasil yang diperolehi daripada projek NAAM setakat ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kejayaan yang telah dicapai di dalam Program NAAM adalah menerusi projek tanaman cili yang dapat meningkatkan ekonomi belia-belia India. Projek latihan kemahiran pertanian ini telah melatih seramai 1,330 orang peserta dalam bidang pertanian fertigasi cili.
2. Sehingga kini, seramai 129 orang belia telah berjaya memulakan projek pertanian mereka dan lebih 500 orang belia yang mempunyai tanah, dalam pertimbangan untuk menerima bantuan kewangan daripada agensi berkaitan bagi memulakan projek pertanian mereka. Pendapatan bagi mereka yang telah menjalankan projek pertanian fertigasi cili ini adalah sekitar RM4 ribu hingga ke RM10 ribu sebulan mengikut keluasan tanah. Selain itu, Yayasan NAAM telah menerima sebanyak RM19 juta daripada pihak kerajaan bagi menjayakan projek tersebut.

Sekian, terima kasih.